

Majlis Makan Malam Geografi Erat Hubungan Pelajar

Oleh : Nordiana Andy

SABTU, 20 APRIL - Dengan mengetengahkan tema “Klasik Moden” dan “Color Block”, Kelab Geografi Sekolah Sains Sosial telah mengadakan majlis makan malam di Grand Ballroom 1 Borneo Hotel.

Majlis makan malam ini bertujuan bagi mengeratkan hubungan antara junior dan senior kelab terbabit disamping untuk berhibur. Antara jemputan yang hadir ke majlis ini adalah Dr. Ubong Imang selaku pensyarah bagi program ini dan sekaligus turut merasmikan majlis makan malam tersebut.

Menurut Pengarah Program merangkap Pengarah Kelab Geografi, Ahmad Mubarak Abdullah, beliau menyifatkan program ini sebagai satu program yang mampu membuka ruang kepada para pelajar untuk lebih mengenali tenaga pengajar mereka.

“Melalui program ini juga, semua pelajar dapat menjalinkan hubungan yang lebih mesra antara pelajar junior dan senior” dan menjadi satu tradisi bagi Kelab Geografi dari tahun ke tahun”, tambah Mubarak lagi.

Pelbagai aktiviti disediakan pada malam tersebut seperti persembahan dari para pelajar, cabutan tiket bertuah, serta penyampaian penghargaan anugerah dekan kepada pelajar cemerlang.



Antara pelajar yang menyertai Majlis Makan Malam Kelab Geografi SSS

Melalui program seperti ini, para pelajar dapat bertemu dan mengenali antara satu sama lain sambil berhibur.

Acara seperti ini akan menjadi tradisi Kelab Geografi dari tahun ke tahun pada masa akan datang.